

HAL EHWAL TANAH AIR

ULASAN SIAH TANAH MELAYU

Sikap bangsa asing sebagai kacang lupakan kulit – dasar pelajar yang menyekat anak-anak Melayu – Tanah Melayu bukan tanah Cina atau tanah Malayan – betulkah British hendak melatih Melayu berdiri sendiri? – Jawatan-jawatan semakin terbuka kepada orang-orang British –
darurat menjadi alasan.
oleh Abham

Sikap bangsa-bangsa asing di Tanah Melayu ini daripada apa yang dapat dipandang, nampaknya semakin melampau-lampau semakin berani, semakin berterang-terang dan semakin melampau had. Mereka sedang menunjukkan seolah-olah tiada ada siapa yang lain di Tanah Melayu ini yang berhak atau lebih berhak daripada mereka. Mereka mensifatkan diri mereka sebagai anak negeri ini, mereka tiada silu dan segan kepada sesiapapun, di dalam tuntutan dan pergerakan mereka hendak mendapatkan kehendak-kehendak dan masalah-masalah bangsa mereka. Pendeknya bangsa-bangsa asing itu lupa yang mereka ialah bangsa asing dan dagang di Tanah Melayu ini yang jika tidak dengan baik budi orang-orang Melayu, anak negeri, menerima mereka dengan baik dan menerima mereka menjadi penduduk negeri ini dengan banyaknya, masakan mereka dapat menjadi penduduk negeri dengan ramai dan dengan kaya rayanya. Akan tetapi mereka telah lupa hal itu sebagai kacang lupa kulit.

Orang Melayu telah menunjukkan sikap mereka masih berbaik-baik dan mahu menerima dengan baik bangsa-bangsa asing itu menjadi rakyat negeri ini, manakala orang-orang Melayu telah bersetuju membuka taraf kerakyatan itu kepada bangsa-bangsa asing yang suka hendak menjadi rakyat negeri ini yang sebenarnya dengan taat setia yang tertumpu ke Tanah Melayu ini dan sedia sehidup semati di negeri ini dan kerana negeri ini. Akan tetapi

dengan berpegang kepada adanya taraf kerakyatan yang terbuka itu yang menjadikan bangsa asing itu sama taraf dengan bangsa Melayu anak negeri dengan taida berbeza pada haq dan kewajipan di negeri ini, bangsa asing itu telah menggunakan kuat kuasa itu pada memperolehi haq dan persamaan dengan orang-orang Melayu bagi semua bangsanya, amnya, dengan tidak membezakan bangsa yang mempunyai taraf kerakyatan ataupun yang tidak.

Yang lebih melampau-lampau perbuatan bangsa asing itu dapat diperhati ialah di dalam masa mereka sedang menguatkan kehendak supaya bangsa-bangsa penduduk Tanah Melayu, terutama bangsa Melayu, anak negeri, jangan lagi mengaku-aku atau mendakwakan berbangsa Melayu dan jangan berperasaan berkaum-kaum melainkan hendaklah semuanya berbangsa kepada suatu bangsa baharu yang tidak bercorak Melayu, Cina atau lain-lainnya, melainkan satu corak sahaja yang akan dibentuknya itu, di dalam masa itulah juga bangsa asing itu berkuat-kuat mempertahankan hak kebangsaannya dengan berkuat hendak mengekalkan kebudayaan dan semangat kebangsaan asli mereka.

Contohnya, bolehlah didapati didalam perkara pelajaran. Syor-syor Suruhanjaya Barnes berkenaan dengan pelajaran, nampaknya telah dibuat dengan berpedomankan kepada tujuan dan kehendak membina suatu bangsa Melayu dengan satu rupa bangsa itulah juga. Bagi menghasilkan tujuan itu, anak-anak segala bangsa

dikehendaki terdidik di dalam sejenis sahaja sekolah yang dinamakan sekolah kebangsaan. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris akan diajarkan di dalam sekolah ini kerana kedua-dua bahasa inilah yang menjadi bahasa rasmi negeri ini.

Akan tetapi dasar ini sedang mendapat bantahan yang keras dari orang-orang Cina yang berhendakkan bahasa dan pelajaran Cina juga diajar di dalam sekolah kebangsaan itu. Mereka berterang-terang mengatakan ketiadaan pelajaran bahasa Cina di dalam sekolah kebangsaan itu akan menghapuskan kebudayaan Cina daripada jiwa dan semangat anak-anak Cina itu. Apa ini? Tidakkah yang demikian menunjukkan bangsa Cina itu masih kuat hendak menghidupkan kebudayaan mereka dan dengan hidupnya kebudayaan Cina itu berertilah hidupnya semangat Cina dan hiduplah kebangsaan Cina itu. Inikah yang dikatakan hendak menyatukan bangsa-bangsa Malaya kepada suatu kebangsaan yang tiada bersemangat dan berperasaan berkaum-kaum? Di mana letaknya semangat kebangsaan Cina itu, ke Malaya atau ke negerinya?

Dasar Pelajaran Yang Menyekat Anak-anak Melayu

Oleh sebab adanya, bantahan-bantahan keras dari bangsa asing, terutamanya bangsa Cina, Jawatankuasa Khas yang dilantik bagi menghalusi semula syor-syor Suruhanjaya Barnes itu telah membuat syor-syor bagi rancangan pelajaran baharu pula. Syor-syor itu boleh dipandang semata-mata menyekat anak-anak Melayu daripada meninggikan atau meningkatkan kepada pelajaran tinggi dan boleh jadi mengandungi muslihat hendak menseksiakan bahkan hendak menghapuskan kemajuan dan harga bahasa Melayu.

Jawatankuasa itu mengesyorkan dua jenis sekolah kebangsaan iaitu suatu jenis ialah sekolah kebangsaan bahasa Inggeris yang bahasa Melayu hanya menjadi suatu pelajaran di dalamnya dan sejenis lagi ialah sekolah kebangsaan bahasa Melayu yang bahasa Inggeris hanya menjadi suatu pelajaran di dalamnya. Syor ini adalah berlawanan dengan syor Suruhanjaya Barnes. Syor suruhanjaya Barnes itu ialah mengadakan sejenis sahaja sekolah kebangsaan

menggunakan dua-dua bahasa Inggeris dan Melayu sebagai bahasa mengajar iaitu sebagai bahasa Inggeris itu menjadi bahasa mengajar begitulah bahasa Melayu itu menjadi bahasa mengajar dan dengan demikian pelajaran bahasa Melayu itu akan menjadi sama tinggi pada taraf dan pada pelajaran yang diajar juga yang sama dengan pelajaran bahasa Inggeris itu. Iaitu di dalam sekolah kebangsaan yang satu sahaja jenisnya yang disyorkan oleh Suruhanjaya Barnes itu ialah bahasa dan pelajaran Melayu itu akan sama naik dengan bahasa Inggeris.

Akan tetapi di dalam syor Jawatankuasa Khas itu, dengan menjadikan dua jenis sekolah kebangsaan itu, menjadikan bahasa dan pelajaran Melayu terhad dan tersekat pada tempat yang tertentu dan tiada akan membawa ke mana. Perhatikanlah di dalam jenis yang pertama iaitu sekolah kebangsaan bahasa Inggeris itu bahasa Melayu ialah perkara yang diajar sambil-sambil sahaja dan sekolah kebangsaan bahasa Melayu itu, bahasa Inggeris menjadi perkara yang diajar sambil-sambil sahaja. Dengan demikian penuntut-penuntut yang hendak mengajar bahasa dan pelajaran Inggeris akan masuk ke dalam sekolah kebangsaan bahasa Inggeris dan Cuma belajar sambil-sambil sahaja bahasa Melayu itu dan penuntut-penuntut yang hendak mengajar pelajaran bahasa Melayu akan memasuki sekolah kebangsaan bahasa Melayu dan mereka belajar bahasa Inggeris itu sambil-sambil jua.

Sekolah kebangsaan ini ialah seklah rendah bagi pelajaran enam tahun. Anak-anak Melayu yang belajar enam tahun di dalam sekolah kebangsaan bahasa Melayu itu hanya berpelajaran Melayu sebagaimana darjat pelajaran Melayu yang ada sekarang jua dan pelajaran Inggerisnya yang dipelajarinya bersambil-sambil itu setinggi-tinggi manakah boleh didapati? Dan apabila mereka lulus sekolah ini tentulah tiada ada peluang bagi mereka hendak masuk manakala penuntut-penuntut di dalam sekolah kebangsaan bahasa Inggeris itu boleh masuk terus ke sekolah menengah kerana pelajaran Inggeris sudah sampai kepada had boleh memasuki sekolah

menengah itu.

Lagi seperkara adalah disyorkan juga iaitu tiap-tiap sekolah kebangsaan itu diadakan khas bagi penuntut-penuntut di kawasan itu sahaja dan penuntut-penuntut itu tidak boleh meninggalkan sekolah kebangsaan yang ada di dalam kawasannya itu kerana pergi memasuki sekolah kebangsaan yang lain kawasan. Umpamanya di dalam kawasan yang ada sekolah kebangsaan bahasa Melayu penuntut-penuntut yang hendak pergi masuk ke sekolah kebangsaan bahasa Inggeris di lain kawasan tiada dibenarkan. Dengan demikian sekiranya ada anak-anak Melayu yang hendak masuk ke sekolah kebangsaan bahasa Inggeris itu tiadalah ada peluang baginya. Sekolah-sekolah kebangsaan yang dicadangkan dua jenis itu ialah menjadikan sekolah-sekolah Inggeris dan sekolah-sekolah Melayu yang ada sekarang ini kepada sekolah-sekolah kebangsaan itu. Iaitu sekolah Inggeris dijadikan sekolah kebangsaan bahasa Inggeris dan sekolah-sekolah Melayu dijadikan sekolah-sekolah kebangsaan bahasa Melayu. Di dalam itu ada pula kecualianya kepada anak-anak bangsa lain, mereka boleh pergi menuntut ke sekolah kebangsaan bahasa Inggeris yang mengajar agama kerana belajar agama seperti sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh badan agama Kristian (Mission School).

Di sinilah anak-anak Melayu itu tersekat di dalam mendapatkan peluang pelajaran tinggi itu. Pelajaran yang diajar di sekolah kebangsaan bahasa Melayu itu memang rendah dan hendak melanjutkan ke sekolah menengah tidak pula boleh dan sekiranya mereka hendak pergi ke sekolah kebangsaan bahasa Inggeris yang boleh juga mereka belajar bahasa Melayu walaupun bersambil-sambil itu, ada pula sekatannya.

Di dalam itu, sekolah-sekolah bahasa Cina dan lain-lainnya yang hendak mengajarkan bahasa dan pelajaran mereka itu dan menjadikan sekolah mereka itu sekolah kebangsaan juga dengan memakai bahasa mereka pun boleh juga. Dan harus juga pelajaran bahasa Cina dan lain-lain itu diajar juga di dalam sekolah-sekolah kebangsaan yang dicadangkan itu.

Pendeknya, syor-syor ini, yang akan dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Undangan yang akan datang ini kelak, jika diterima,

adalah memberi peluang kepada bangsa asing mengajar bahasa Inggeris dengan setinggi-tingginya sambil mempelajari dan mengembangkan pelajaran bahasa mereka mengikut sekehendak hati mereka jua. Manakala anak-anak Melayu tersekat peluang dari mempelajari bahasa Inggerisitu dan pelajaran bahasanya sendiri bukan sahaja akan tidak membawa ke mana melainkan juga akan mati dengan seterusnya.

Perkara ini mestilah diperhatikan dan difaham baik-baik oleh orang-orang Melayu sekiranya orang-orang Melayu berkehendak anak-anak Melayu beroleh pelajaran tinggi dan sempurna sebagaimana juga mereka berkehendak ilmu pelajaran dan bahasa Melayu itu bukan sahaja terpelihara akan tetapi juga maju dan tinggi tarafan dan menyesuaikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa rasmi, hendaklah diambil berat benar di dalam perkara ini dan sebarang langkah yang boleh mendatangkan suatu keputusan yang memuaskan hati di dalam hal ini hendaklah diambil. Ahli-ahli Melayu di dalam Majlis Mesyuarat Undangan, adalah sangat dikehendaki supaya menyaksikan syor-syor ini mendapat perubahan yang sebenar-benarnya mendatangkan faedah-faedah kepada bangsa Melayu. Syor-syor itu mestilah dikaji dan disusun semula dan jika mustahak, sebuah Jawatankuasa Khas yang mengandungi kebanyakannya orang-orang Melayu hendaklah ditubuhkan bagi mengkaji dan menimbang semula syor-syor ini.

Ingatlah perkataan “Tanah Melayu”

Semenanjung Tanah Melayu itu dan Persekutuan Tanah Melayu ini adalah terkenal sebagai “Tanah Melayu”. Ingatlah perkataan “Tanah Melayu”, bukan tanah Cina atau tanah Indian atau tanah Malayan. Perkataan “Tanah Melayu” itu sendiri menguatkan bahawa tanah Semenanjung ini “Tanah Melayu” tanah hak Melayu, beraja Melayu dan beranak negeri Melayu. Penduduk mestilah terdiri dari rakyat negeri yang bersemangat Tanah Melayu dan taat setia kepada Tanah Melayu. Yang demikian tidaklah boleh didapati melainkan ialah dengan tiap-tiap rakyat dan penduduk itu meutamakan didikan, kebudayaan dan pelajaran bahasa

Melayu dan bahasa dan pelajaran Melayu ini mestilah tinggi dan sam setaraf dengan pelajaran dan bahasa Inggeris sebagaimana kedua-duanya itu setaraf pada menjadi bahasa rasmi negeri ini.

Pelajaran Melayu hari ini telah menjadi perkara yang sangat menyedihkan orang-orang Melayu kerana rendahnya dan dapatlah disebut tiada berharga sama sekali. Inilah masanya pelajaran dan bahasa Melayu itu mencapai darjahnya yang tinggi dan berharga. Akan tetapi, ikhtiar-ikhtiar yang dibuat terhadap bahasa dan pelajaran Melayu itu bukan akan membawa kepada bahasa dan pelajaran itu semakin tinggi melainkan semakin membawa mati.

Sementara itu pengaruh bangsa asing semakin besar dan semakin menindih ke atas bangsa Melayu. Kehendak-kehendak bangsa asing semakin mendesak dan dasar kerajaan nampaknya semakin terpengaruh oleh kehendak-kehendak bangsa asing itu. Suara bangsa asing, semakin kuat dan semakin nyaring dan semakin nyata hendak menjadikan negeri ini negeri kebangsaan mereka dengan corak dan kebudayaan mereka.

Tiada ada sebab mengapa kerajaan yang mentadbir Tanah Melayu ini, begitu melatah dengan cucuk dan goyah bangsa asing itu. Lebih lagi dengan melayan kehendak-kehendak bangsa asing itu segala hak Melayu terkorban dan bangsa Melayu sendiri hendak dihapuskan. Sekiranya bangsa-bangsa asing itu berkehendak memuaskan hati mereka dengan apa juga yang mereka ingin dan hendak memperolehinya, mereka memang ada mempunyai negeri dan tanah air mereka sendiri. Baliklah ke tanah air sendiri di sana boleh dituntut segala haq bangsanya tetapi bukanlah di sini.

Betulkah Hendak Melatih Melayu?

Di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan juga akuan-akuan pembesar-pembesar kerajaan British ada dan sentiasa menyebut hendak melatih dan memimpin orang-orang Melayu kepada taraf berdiri sendiri. Akan tetapi apa yang dikerjakan

dan apa yang sedang dijalankan sekarang ini tiada sedikit pun membawa kepada menghasilkan atau menepati dengan perjanjian dan akuan-akuan itu, sebaliknya adalah berlawanan sekali.

Orang-orang Melayu dikatakan hendak dilatih dan dipimpin berdiri sendiri akan tetapi orang-orang Melayu disekat pelajarannya dan dengan menyekat pelajaran itu menjadikan orang-orang Melayu tiada berkebolehan dan tiada terlatih dan selamanya, akan dicap Melayu tidak layak, sebagaimana yang biasa dicapnya. Sementara itu peluang-peluang bagi orang-orang Melayu mencapai jawatan-jawatan tinggi bukan sahaja masih tersekat dan makin tersempit bahkan makin tertutup.

Perhatikanlah bukan sahaja jawatan-jawatan tinggi yang patut dibuka kepada anak-anak Melayu itu masih tiada terbuka dan terberi kepada orang-orang Melayu akan tetapi, jawatan-jawatan yang biasa dipegang dan diberi kepada anak-anak Melayu sekarang, sedang diberi dan dimasukkan orang-orang British. Orang-orang British semakin banyak memegang jawatan di sana sini dan semakin banyak jawatan-jawatan baharu terbuka kepada orang-orang British dan beberapa banyak orang-orang baharu yang didatangkan dari England, pada hal jika dikehendaki jawatan itu dipegang oleh orang-orang Asia bahkan orang-orang Melayu juga boleh didapati.

Jika ada pun orang Melayu diberi satu jawatan yang tinggi sedikit daripada yang ia memegang itu, adalah perbuatan itu untuk meninggikan lagi orang-orang British jua. Umpama di dalam jawatan polis jika seorang Melayu dinaikkan pangkatnya adalah pangkat itu dikosongkan oleh orang British yang dinaikkan kepada pangkat yang lebih tinggi lagi. Pendeknya tiap-tiap yang dinaikkan seorang Melayu itu ialah kerana hendak menaikkan orang British ke pangkat yang lebih tinggi lagi.

Dengan keadaan begini, orang-orang British juga semakin terletak di atas dan orang-orang British juga semakin banyak yang duduk di atas dan semakin kuat menggenggam pentadbiran negeri. Beginikah caranya hendak melatih dan memimpin orang-orang Melayu berdiri sendiri? Sampai bilakah masanya orang-orang Melayu itu akan boelh berdiri sendiri

jikalau peluang-peluang berlatih seperti memegang jawatan dan peluang meninggikan pelajaran itu tiada diberi dengan seluas-luasnya bahkan sebaliknya nampaknya disempit-sempitkan hingga hendak ditutup sama sekali?

Darurat Menjadi Alasan

Kerap kali tiap-tiap pekerjaan dan perkara yang dibuat seperti mendatangkan pegawai-pegawai British di dalam pasukan polis dan lain-lainnya adalah dialaskan kepada darurat sementara itu lain-lain perkara kebajikan atau yang dikehendaki oleh orang-orang Melayu diketepikan dengan beralasan kepada darurat. Umpama, banyak anak-anak Melayu tak dapat memasuki ke sekolah Inggeris di tempat-tempat yang tiada bersekolah itu atau pun tuntutan bagi membaiki dan meninggikan darjah sekolah atau mengadakan kelengkapan-kelengkapan yang sempurna seperti buku-buku bacaan di sekolah-sekolah Melayu dan lain-lainnya, diketepikan kerana masa darurat. Wang tidak boleh diuntukkan kepada perkara-perkara itu kerana terpaksa dibelanja kepada perkara-perkara darurat. Begitulah pada lain-lain perkara lagi, pendeknya, itu tak boleh dibuat, ini tak boleh dibuat kerana masa darurat. Sementara itu, dengan alasan darurat juga, perkara-perkara yang merugikan dan mengorbankan hak-hak Melayu sedang berlaku.

Layanan-layanan kepada kehendak-kehendak bangsa lain, kerana mengambil hati mereka sedang diberi dengan berlebih-lebihan ialah kerana darurat juga. Dengan demikian orang-orang Melayu bukan sahaja semakin tercekik dan semakin terhapus hak-haknya akan tetapi juga semakin tenggelam dan lemas sehingga akan terus lenyap.

Satu misal yang lebih tepat lagi bagaimana kehendak membawa pegawai-pegawai British memegang jawatan-jawatan ke mari lihatlah kepada suatu cara baharu yang indah. Kerana darurat ini maka suatu cadangan dikatakan telah dibuat di Johor iaitu menambah pembahagian-pembahagian daerah. Penolong-penolong pegawai daerah (ADO)

itu hendaklah ditambah dan tempat-tempatnya diserak-serakkan supaya dapat mereka lebih hamper kepada orang-orang kampung di daerahnya – tidak mesti sebagai sekarang terkumpul di dalam Bandar. Syor ini bagus tetapi..... apabila rancangan yang serupa ini diterima maka kemudiannya rancangan itu diminta segera dijalankan dan untuk itu maka dikatakan telah disyorkan oleh pengesyornya supaya tempat-tempat yang hendak disegerakan itu diisi oleh pegawai-pegawai Inggeris. Jadi apakah maknanya tujuan ini?!

Segala gerakan, yang halus dan kasar dari bangsa-bangsa asing itu, sayogialah menggalakkan orang-orang Melayu bangun bersatu, bersatu hati dan bersatu faham dan perdiriannya untuk mempertahankannya. Bangsa asing itu adalah lebih suka melihat bangsa Melayu sekarang berselisih sesama sendiri, berpuak-puak dan berpihak. Kerana di dalam keadaan orang Melayu yang demikian bukan sahaja mereka dapat merebut-rebut hak-hak Melayu itu dengan kelemahan orang Melayu yang disebabkan oleh keadaan berpecah belah itu akan tetapi juga dapat mereka itu menghapuskan wujud bangsa Melayu di tanah airnya sendiri ini dengan berbagai-bagai perbuatan dan tindihan dan dengan menarik setengah-setengah orang Melayu ke sebelah mereka itu dan tenggelam di dalam bangsa mereka itu. Redhakah orang-orang Melayu hal ini berlaku, dan terus berlaku? Jawablah sendiri.



Sudahkah tuan mengenal-Nya? Sebuah risalah karangan Syeikh Hassan Al-Banna telah hampir siap dicetak – kupasannya berdasar Al-Quran dan Al-Hadith.

Ibu bapa mustahak menyimpannya bagi bacaan anak-anak di rumah.

Senaskhah 40 sen – pos 6 sen.

Pesanlah segera supaya tuan tetap mendapatnya!

Pesanlah kepada:

Qalam – 356 & 358, Geylang Road, S'pore 14.